

14/06/1999

Karyawan perlu hantar cadangan

Meor Hisham Zulkifli; Akmal Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad - Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, meminta semua pihak termasuk karyawan filem, persatuan artis dan pihak berkaitan, menghantar cadangan bagi melaksanakan pembaharuan di kementeriannya.

Menurutnya, beliau tidak mahu membuat pembaharuan itu secara sendirian dan memerlukan pendapat umum untuk meningkatkan keberkesanan kementerian termasuk membangunkan industri hiburan negara.

"Saya tidak mahu membuat pembaharuan secara `syok sendiri', tanpa mengikut pendapat umum. Jika cadangan yang diterima sesuai dilaksanakan, kita akan laksanakannya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan drama bersiri Perjuangan Yang Belum Selesai terbitan bersama Saga Fortune Sdn Bhd dan Yayasan Pasir Mas di sini, hari ini.

Drama yang berdasarkan nukilan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, itu mengisahkan susur galur perjuangan seorang doktor perubatan, reformis intelek Melayu yang berjiwa besar, terbabit dalam bidang politik dengan niat murni bagi memartabatkan bangsa.

Pada majlis yang sama, penerbit drama itu turut menandatangani perjanjian dengan penaja utama sebahagian siri drama itu, Pacific Chemicals Berhad.

Khalil berkata, Radio Televisyen Malaysia (RTM) akan memperbanyakkan rancangan dan program mengenai pembangunan serta kemajuan yang dikecapi negara ini sejak merdeka.

"Selain itu, kita akan mencari jalan terbaik supaya karyawan seni tempatan mendapat lebih banyak tempat dalam penyiaran rancangan televisyen terutamanya pada ketika waktu siaran utama," katanya.

Mengulas drama bersiri itu, beliau berkata, Perjuangan Yang belum Selesai cukup sinonim dengan Dr Mahathir dan masyarakat negara ini dalam memenuhi tuntutan agama, bangsa dan tanah air.

"Kita katakan belum selesai kerana masih banyak perkara yang perlu dilakukan bagi negara, bangsa dan rakyat ini.

"Perjuangan ini memerlukan kesungguhan semua pihak yang ingin berjaya dan bukan hanya terbeban kepada pemimpin terutama Dr Mahathir yang telah membuktikan corak kepemimpinan cemerlang," katanya.

(END)